

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 22 MAC 2016

RUJUKAN : 8625

SOALAN:

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan tentang kebaikan kemasukan 1.5 juta
pekerja Bangladesh secara berperingkat ke dalam Malaysia.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh isu 1.5 juta pekerja asing Bangladesh yang dibangkitkan oleh YB, Kerajaan tidak bercadang untuk membawa 1.5 juta pekerja asing Bangladesh. Dalam Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Republik Bangladesh tidak dinyatakan jumlah pekerja asing yang akan dibawa masuk. Jumlah sebenar kemasukan pekerja Bangladesh kelak akan bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat dan akan dinilai berdasarkan kelayakan serta kemampuan setiap majikan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 19 Februari 2016 telah memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan pengambilan pekerja asing baru termasuk pekerja warganegara Bangladesh sehingga Kerajaan berpuas hati dengan keperluan sebenar oleh pihak industri.